



جابتن قرآن منتری
JABATAN PERDANA MENTERI
BRUNEI DARUSSALAM



SOALAN-SOALAN LAZIM
SEMASA PANDEMIK COVID-19

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

Adakah para pekerja akan dikenakan denda jika mereka tidak sempat balik ke rumah dari tempat kerja sebelum jam 8.00 malam?



Pihak majikan perlu memastikan operasi perniagaan atau tugas masing-masing diselesaikan lebih awal dari kebiasaannya, untuk membolehkan para pekerja pulang ke rumah sebelum jam 8.00 malam.

Bagi para pekerja yang tinggal jauh dari tempat kerja dan tidak tergolong dalam kategori pekerja kritikal, **mereka perlu menerangkan kepada pihak penguatkuasa keselamatan bahawa mereka ini sedang membuat perjalanan balik ke rumah dengan memberikan alasan yang munasabah ataupun menunjukkan bukti yang tertentu.**

Namun, jika alasan yang kurang munasabah - seperti contoh balik jam 10.00 malam dan masih di dalam perjalanan balik dari tempat kerja - adalah **tidak diterima dan denda akan dikenakan kepada mereka yang ingkar akan arahan pihak berkuasa.**

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

Siapakah yang patut dihubungi jika terdapatnya sebarang insiden yang didapati melanggar sebarang peraturan kesihatan?



Orang ramai adalah dialu-alukan untuk melaporkan sebarang insiden yang didapati melanggar sebarang peraturan atau Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedures – SOP) kepada pihak berkuasa melalui talian hotline 24 jam yang telah disediakan oleh Pusat Koordinasi Kebangsaan Menangani COVID-19 (N3C), iaitu:

•**8176148**

•**8175148**

•**8166148**

•**8155148**


Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

Apakah perancangan pihak Kerajaan jika gelombang kedua COVID-19 ini masih lagi di tahap yang tinggi dan masih mencecah angka tiga digit menjelang 17 Oktober 2021 nanti? Adakah langkah-langkah lebih ketat akan dilaksanakan agar masyarakat lebih mengambil serius mengenai gelombang kedua ini?



 Insyaa Allah, strategi-strategi yang dilaksanakan secara bersepadu akan dapat mengawal dengan lebih baik situasi COVID-19 yang dihadapi pada masa ini. Pihak Kerajaan akan sentiasa mengawasi keadaan penularan jangkitan COVID-19 di negara kita, dan juga negara-negara serantau.

Beberapa strategi juga telahpun dikenalpasti dan dirancang dalam Pelan Pemulihan bagi negara ini untuk dilaksanakan secara berfasa dalam minggu dan bulan-bulan yang akan datang.

Operasi Pulih serta strategi-strategi berkenaan adalah dihasratkan akan dapat mengawal risiko penyakit yang disebabkan jangkitan COVID-19 dan lebih penting lagi, memulihkan kehidupan seharian pasca COVID-19 agar kembali kepada norma dan sekaligus memulihkan keadaan ekonomi negara yang telah terjejas disebabkan pandemik ini.


Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM



Adakah stesen-stesen minyak dan klinik-klinik swasta turut terjejas semasa pandemik ini?



Stesen-stesen minyak dibenarkan beroperasi sehingga malam iaitu sebelum jam 8.00 malam. Orang ramai, termasuk juga perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan, adalah diingatkan untuk mengisi minyak kenderaan masing-masing lebih awal sebelum penutupan stesen minyak.

Manakala klinik-klinik kesihatan merupakan perkhidmatan *essential* yang masih diperlukan mengikut jam-jam perkhidmatan yang telah ditetapkan. Oleh itu, jam-jam operasi bagi klinik-klinik swasta tidak terjejas. Walau bagaimanapun, individu-individu yang telah dikenalpasti oleh klinik-klinik berkenaan untuk bertugas selepas jam 8.00 malam bolehlah mendapatkan pengesahan kebenaran daripada Kementerian Kesihatan yang mengawal selia sektor kesihatan ini.

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

Bagaimanakah cara untuk mendapatkan kebenaran keluar rumah bagi critical essential workers selepas jam 8.00 malam hingga 4.00 pagi?



Kementerian-kementerian telahpun menyediakan borang untuk kegunaan para pekerja kritikal dalam sektor-sektor yang essential semasa Operasi Pulih. Oleh itu, pihak pengurusan mereka perlulah mendapatkan pengesahan kebenaran dengan menghantar borang itu melalui emel (secara paperless) kepada kementerian-kementerian yang mengawal selia syarikat-syarikat berkenaan .

Pihak pengurusan masing-masing hendaklah mengenalpasti pekerja-pekerja kritikal tersebut dan menyenaraikan butiran-butiran peribadi mereka seperti nama, nombor BruHims dan sebagainya, serta jadual bertugas dan seterusnya menghadapkan senarai ini kepada kementerian-kementerian yang mengawal selia syarikat-syarikat berkenaan;

SUT-SUT di kementerian berkenaan akan menilai senarai tersebut dan seterusnya SUT akan mengesahkan permohonan mereka, jika disokong dan kebenaran tersebut seterusnya akan diemel ke syarikat-syarikat berkenaan.

Pihak pengurusan hendaklah mengongsikan pengesahan tersebut melalui emel kepada pekerja-pekerja kritikal yang telah dibenarkan.

Pekerja-pekerja bolehlah menunjukkan pengesahan tersebut kepada pihak berkuasa, jika perlu.


Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

Adakah syarikat-syarikat yang memberikan perkhidmatan bantuan tepi jalan dan penarikan kereta (roadside assistance and towing services) perlu memohon kebenaran?



 Syarikat-syarikat seperti ini juga menyediakan perkhidmatan essential. Oleh itu, mereka perlulah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Syarikat-syarikat perlu menyenaraikan nama-nama pekerja yang telah dikenalpasti untuk bertugas dalam minggu-minggu yang akan datang ini – untuk dihadapkan ke kementerian berkenaan bagi tujuan endorsement.

Seterusnya




SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN DOKUMEN PERJALANAN (PASPORT)

Saya akan berlepas keluar Negeri atas urusan-urusan tertentu tapi Dokumen Perjalanan saya mansuh, dalam hal ini adakah saya dibolehkan untuk membaharui Dokumen Perjalanan saya?



 Perkhidmatan permohonan dan pembaharuan Dokumen Perjalanan (Pasport) adalah ditangguhkan mulai 14 Ogos 2021 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Walaupun bagaimanapun, Dalam hal ini, awda adalah dinasihatkan untuk menghubungi Bahagian Dokumen Perjalanan (Pasport) melalui Hotline (WhatsApp) **8130499** untuk membuat tempahan temujanji dan menghadapkan permohonan melalui Drop Box yang disediakan

Seterusnya




SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN KAD PENGENALAN PINTAR

Saya mempunyai urusan-urusan tertentu yang memerlukan Kad Pengenalan Pintar yang sah. Dalam hal ini adakah saya dibolehkan untuk membaharui Kad Pengenalan Pintar?



 Perkhidmatan permohonan dan pembaharuan Kad Pengenalan Pintar adalah ditangguhkan mulai 14 Ogos 2021 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Walaupun bagaimanapun, dalam hal ini, awda adalah dinasihatkan untuk menghubungi Bahagian Kad Pengenalan Pintar melalui Hotline (WhatsApp) **7299550** atau **383107** atau melalui emel **ic.sectionhq@immigration.gov.bn** dan akan dinilai keperluan biskita secara 'case by case'. Seterusnya, awda akan diberikan slot temujanji untuk urusan selanjutnya.


Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN KAD PENGENALAN PINTAR

**Adakah saya akan didenda jika
Kad Pengenalan Pintar saya
mansuh?**



Bagi Kad-Kad Pengenalan Pintar yang mansuh dalam tempoh penutupan kaunter-kaunter perkhidmatan, tiada sebarang tindakan undang-undang akan dikenakan.

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN KAD PENGENALAN PINTAR

Bilakah boleh saya mengambil Kad Pengenalan Pintar saya yang telah siap?



Bagi permohonan yang dihadapkan ke Ibu Pejabat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Daerah Brunei dan Muara dinasihatkan untuk menghubungi Bahagian Kad Pengenalan Pintar bagi membuat perjanjian pengambilan Kad Pengenalan Pintar yang telah siap melalui talian **2383107**.

Manakala, bagi permohonan yang dihadapkan ke Pejabat Pendaftaran, Cawangan Kuala Belait pula, adalah dinasihatkan untuk menghubungi talian **3330119**.

Bagi Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Cawangan Tutong adalah dinasihatkan untuk menghubungi talian **4221476** atau **4221251**.

Bagi Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Cawangan Temburong adalah dinasihatkan untuk menghubungi talian **5221222**.

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN KELAHIRAN KEMATIAN
DAN ANAK ANGGAT

Saya mempunyai keperluan tertentu yang memerlukan sijil kelahiran untuk anak yang baru lahir dengan segera. Dalam hal ini adakah saya dibolehkan untuk mendaftarkan sijil kelahiran bagi anak saya?

Perkhidmatan pendaftaran Kelahiran Anak kelahiran adalah ditangguhkan mulai 14 Ogos 2021 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Walaupun bagaimanapun, dalam hal ini, awda adalah dinasihatkan untuk menghadapkan permohonan melalui Hotline (whatsapp) **7299550** emel **kkaa.sectionhq@immigration.gov.bn** dan akan dinilai keperluan biskita secara 'case by case'. Seterusnya, awda akan diberikan slot temujanji untuk urusan selanjutnya.

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN KELAHIRAN KEMATIAN
DAN ANAK ANGGAT

**Bagaimanakah caranya untuk
mendaftarkan Sijil Kematian masa
ini?**



Perkhidmatan Pendaftaran Kematian adalah ditangguhkan mulai 14 Ogos 2021 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN KELAHIRAN KEMATIAN
DAN ANAK ANGKAT



Saya mempunyai keperluan tertentu yang memerlukan sijil kematian ahli keluarga yang baru meninggal dunia dengan segera. Dalam hal ini adakah saya dibolehkan untuk memohon sijil kematian?



Dalam hal ini, awda adalah dinasihatkan untuk menghadapkan permohonan melalui Hotline (whatsapp) **7299550**, emel **kkaa.sectionhq@immigration.gov.bn** dan akan dinilai keperluan biskita secara 'case by case'. Seterusnya, awda akan diberikan slot temujanji untuk urusan selanjutnya.

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN PERMIT MASUK

Saya akan membuat perjalanan keluar negeri, tetapi Re-Entry Permit saya akan mansuh dalam masa yang terdekat. Bolehkah saya menghadapkan permohonan untuk membaharui?

 Penyambungan Permit Masuk diperlukan kerana hendak keluar Negara dalam tempoh yang terdekat, permohonan bolehlah dihadapkan melalui **DROP BOX Bahagian Permit Masuk** lengkap dengan dokumen-dokumen yang lengkap. Bagi sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui emel **entry.permithq@immigration.gov.bn**

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN PAS KERJA

Bagaimanakah caranya untuk memohon Visa Pas Kerja baru pada masa ini?



Pada masa ini, permohonan Visa Pas Kerja adalah hanya dihadkan bagi permohonan yang mendapat kebenaran khas melalui Entry Travel Pass. Selainnya, adalah belum dibenarkan


Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN PAS KERJA

Bagaimana caranya untuk membatalkan Pas Kerja Warganegara Asing?



Mulai hari Rabu 29 September 2021, pembatalan Pas Kerja Warganegara Asing hanya boleh dilaksanakan di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Daerah Brunei Muara ataupun di Pejabat Imigresen, Cawangan Kuala Belait.

Bagi Ibu Pejabat, permohonan boleh dihadapkan menerusi kaedah walk-in dari jam 08:15 pagi hingga 11:00 pagi sahaja. Manakala di Cawangan Kuala Belait, slot temujanji adalah diperlukan melalui emel iaitu **kb_imm_services@immigration.gov.bn** dan slot akan diberikan kepada pemohon.

Pemohon-pemohon adalah dinasihatkan untuk menghadapkan permohonan pembatalan Pas Kerja sekurang-kurangnya empat (04) hari sebelum jadual tarikh penerbangan berlepas keluar dari Negara Brunei Darussalam.


Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN PAS KERJA

Adakah boleh bagi saya mengambil Pasport Pekerja yang telah saya hadapkan semasa kaunter masih buka sebelum 14 Ogos 2021?

 Dalam hal ini, awda adalah dinasihatkan untuk menghadapkan permohonan melalui Hotline (WhatsApp) **7299551**. Seterusnya, awda akan diberikan slot temujanji untuk urusan selanjutnya.

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN PAS KERJA

Bolehkah saya menghadapkan permohonan Re-Entry Visa?



Untuk memohon Re – Entry visa adalah hanya dihadkan bagi permohonan setelah mendapat kebenaran Exit Travel Pass sahaja.


Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN PAS KERJA

Pas Kerja bagi pekerja saya telah mansuh. Adakah saya boleh membuat penyambungan bagi tujuan membuat tempahan vaksin / urusan bank / masuk ke tempat yang memerlukannya?

 Dalam hal ini, awda adalah dinasihatkan untuk menghadapi permohonan melalui Hotline (whatsapp) 7299551 dan akan dinilai keperluan biskita secara 'case by case'. Seterusnya, awda akan diberikan slot temujanji untuk urusan selanjutnya.

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN PAS KERJA

Bagi pekerja yang baru datang melalui laut menggunakan kapal laut tetapi tidak sempat membuat penyambungan Pas Kerja di Ibu Pejabat disebabkan kaunter adalah ditutup, adakah mereka dibolehkan balik terus melalui laut tanpa membuat penyambungan Pas Kerja?



Dalam perkara ini adalah disarankan untuk menghadapkan permohonan pembatalan pas kerja sebelum penerbangan berlepas keluar dari Negara Brunei Darussalam. (sila rujuk bil 13)

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN PAS KERJA

Urusan Transfer Amah / Syarikat saya telah selesai dari Jabatan Buruh. Adakah saya boleh menghadapkan permohonan bagi endosmen ke dalam Pasport Pekerja?



Dalam hal ini, awda adalah dinasihatkan untuk menghadapkan permohonan melalui Hotline (whatsapp) **7299551** dan akan dinilai keperluan biskita secara 'case by case'. Seterusnya, awda akan diberikan slot temujanji untuk urusan selanjutnya.

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN VISA, LAWATAN DAN DIPLOMATIK

Adakah saya akan didenda jika
Pas Lawatan saya telah
mansuh?



Mana-mana Pas Imigresen yang mansuh dalam tempoh penutupan kaunter perkhidmatan dilaksanakan tidak akan dikenakan sebarang tindakan undang-undang.


Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN VISA, LAWATAN DAN DIPLOMATIK

Bagaimanakah permohonan untuk berkahwin warganegara asing dipohonkan?

 Permohonan perkahwinan dengan warganegara asing hendaklah dihadapkan melalui emel:

visitpass.services@immigration.gov.bn.

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN VISA, LAWATAN DAN DIPLOMATIK

Bagaimanakah caranya untuk mengetahui status permohonan untuk berkahwin dengan warganegara asing?



Awda adalah dinasihatkan untuk menghubungi Bahagian Visa Lawatan dan Diplomatik melalui emel:

visitpass.services@immigration.gov.bn

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN VISA, LAWATAN DAN DIPLOMATIK

**Bagaimana caranya untuk
menghadapkan permohonan
Visa Lawatan / Visa Lawatan
Profesional baharu bagi warga
asing yang telah dikeluarkan
kebenaran ETP?**



Permohonan Visa Lawatan / Visa Lawatan Profesional boleh dihadapkan melalui emel :

visitpass.services@immigration.gov.bn.


Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN VISA, LAWATAN DAN DIPLOMATIK

Adakah saya boleh membuat penyambungan Pas Penuntut?

 Awda adalah dinasihatkan untuk menghubungi Bahagian Visa Lawatan dan Diplomatik melalui emel:

visitpass.services@immigration.gov.bn


Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN VISA, LAWATAN DAN DIPLOMATIK

Pas Lawatan saya telah mansuh tetapi saya hendak membuat perjalanan keluar ke Negara Brunei Darussalam. Adakah akan menjadi masalah sekiranya saya keluar terus melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei?

 Dalam perkara ini adalah disarankan untuk menghadapi pembatalan pas lawatan sebelum penerbangan berlepas keluar dari Negara Brunei Darussalam sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh penerbangan.

Permohonan pembatalan bolehlah dihadapakan melalui **DROP BOX Bahagian visa Lawatan dan Diplomatik dengan menyertakan** dokumen-dokumen lengkap.


Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN VISA, LAWATAN DAN DIPLOMATIK

Adakah saya boleh membuat penyambungan Special Pass?

 Dalam hal ini, awda adalah dinasihatkan untuk menghadapkan permohonan melalui emel **visitpass.services@immigration.gov.bn** dan akan dinilai keperluan biskita secara 'case by case'. Seterusnya, awda akan diberikan slot temujanji untuk urusan selanjutnya.

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

SEKRETARIAT ENTRY TRAVEL PASS (ETP)

Bagaimana caranya untuk mengetahui status permohonan ETP?

Status permohonan ETP boleh disemak melalui pautan <https://www.form.gov.bn/ETPA/Pages/ETP-Status.aspx> dengan menggunakan nombor rujukan yang telah diberikan.


Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

SEKRETARIAT ENTRY TRAVEL PASS (ETP)

Permohonan ETP saya ditolak, adakah saya dibenarkan untuk ke Ibu Pejabat untuk membuat rayuan?

 Dalam usaha untuk membendung penularan wabak penyakit COVID-19, perjumpaan secara fizikal adalah tidak digalakkan. Dalam pada itu, awda adalah dinasihatkan untuk menghadapkan rayuan melalui emel:

infoentrytravel@immigration.gov.bn

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN WARGANEGARA

Bagaimana saya hendak berurusan dengan Bahagian Warganegara untuk bertanyakan status permohonan saya atau untuk menghadapkan permohonan kerakyatan anak saya?

Awda boleh menghubungi Bahagian Warganegara samaada melalui email iaitu **citizenship.sectionhq@immigration.gov.bn** atau melalui talian telefon **2383106** sambungan **130** dan **133** bagi sebarang pertanyaan lanjut.


Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Bagaimana saya hendak membuat aduan berhubung kesalahan yang dilakukan di bawah bidang kuasa yang dikuatkuasakan di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan?

 Awda bolehlah menghubungi Hotline Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang di talian **8734888 / 8753888** ataupun **8984111** (Cawangan Kuala Belait)

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG



Bagaimana saya hendak menyambung Special Pass?



Bagi Agensi Kerajaan, boleh menghadapkan permohonan penyambungan melalui emel iaitu **bpgnurkdbsb@hotmail.com** dan bagi warganegara asing boleh menghubungi talian **8734888 / 8753888** ataupun **8984111** (Cawangan Kuala Belait)

Seterusnya




SOALAN-SOALAN LAZIM

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG



Bagaimana saya hendak
melaporkan pekerja saya lari?



Awda bolehlah menghubungi
Hotline Bahagian Penguatkuasaan
Undang-Undang di talian
8734888 / 8753888 ataupun
8984111 (Cawangan Kuala Belait)

Seterusnya



SOALAN-SOALAN LAZIM

UMUM



**Bolehkah saya memohon di
Cawangan Tutong dan
Temburong walaupun alamat
saya di Bandar/Kuala Belait?**



Urusan kaunter-kaunter perkhidmatan di Cawangan Tutong dan Cawangan Temburong hanya akan menerima permohonan daripada penduduk yang bermastautin di Daerah Tutong dan Temburong sahaja dengan mengambil kira kapasiti yang terhad.

Seterusnya

